

# Elak politik melampau

Oleh Jailani Harun

BH 28 AUG 1992

GEORGETOWN, Khamis — Politik kesederhanaan yang diamalkan oleh Barisan Nasional (BN) adalah faktor yang berjaya mengekalkan kestabilan dan keharmonian negara sehingga ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata gabungan parti pelbagai kaum dalam BN tidak dapat menerima politik ekstremis setengah parti kecil yang hanya berjuang berdasarkan perasaan serta sentimen.

Beliau berkata, walaupun ada ahli Umno dan komponen BN sendiri bersifat ekstremis, terutama dalam memhuat sesuatu tuntutan, mereka masih dapat bertolak ansur dan menjauhi sebarang perbuatan yang boleh meneetuskan konfrontasi.

Berucap dalam pertemuan dengan pemimpin BN negeri, di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, politik melampau seperti yang diamalkan pembangkang tidak dapat bertahan lama dan hanya menimbulkan banyak masalah kepada rakyat.

"Dalam BN sendiri, ahli sebegini tetap ada, tetapi mereka mampu mencapai tolak ansur dan mengelak perbalahan. Budaya politik sederhana di Malaysia berjaya meningkatkan ekonomi semua kaum menerusi perpaduan serta kerjasama yang ada.

kerajaan. Jadi, mereka membentuk satu kerajaan perikatan yang lemah.

"Apabila sebuah daripada komponen perikatan ini menarik diri, kerajaan campuran itu dengan sendirinya menjadi lemah dan tidak berani mengambil tindakan tidak popular, seperti menaikkan cukai," katanya.

Presiden Umno itu berkata, penduduk Malaysia adalah rakyat sederhana yang tidak sukakan konfrontasi biarpun ada pihak, khususnya pembangkang yang cuba menghasut mereka dengan semangat perkauman.

"Dalam BN, kita ada tanggungjawab untuk dipikul, iaitu memelihara kepentingan semua kaum. Sebab itulah kerajaan yang ada mampu bertahan lama dan ini jelas menunjukkan rakyat tidak dapat menerima politik melampau anjuran beberapa parti.

"Walaupun Umno menjadi tonggak BN, ia mengambil kira hak semua kaum. Orang Cina dan India juga mengiktiraf hak orang Melayu kerana menyedari inilah yang dapat menyelamatkan mereka... dan mereka juga tidak rugi apa-apa," katanya.

Dr Mahathir juga mengimbas kembali peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang berpunca daripada rasa tidak puas hati orang Melayu.

Menurutnya, orang Me-

“Memanglah adakalanya kita rasa terhina apabila ada pihak membuat pelbagai tuntutan untuk kaum sendiri, tetapi sifat perkauman itu tibaklah begitu tebal sehingga mencetuskan rusuhan kaum, seperti yang berlaku di Yugoslavia sekarang,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan campuran BN yang diwarisi daripada zaman Perikatan, mampu bertahan kerana ia dibentuk sebelum pilihanraya umum dan bukan selepas pilihanraya diadakan.

Sebagai contoh, katanya, kerajaan campuran di sebuah negara jiran tidak mampu menyusun sesuatu dasar kerana ia dibentuk selepas pilihanraya umum dan tidak ada parti mendapat majoriti.

“Oleh kerana terlalu banyak parti bertanding, kadangkala sampai 40, akhirnya tidak ada yang menhapat kemenangan mutlak untuk membentuk

layu hari ini tidak lagi mempunyai sebab untuk merusuh lagi kerana mereka diberi laluan oleh orang Cina dan India di bidang ekonomi.

“Apa yang nyata ialah ekonomi negara melonjak selepas 1969 apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menetapkan matlamat penyertaan 30 peratus Melayu dalam bidang ekonomi.

“Hari ini, kita dapat melihat hasilnya. Orang Melayu tidak lagi merungut dan kaum lain pula tetap terpelihara haknya,” katanya.

“Jika sebelum 1969 kita terlalu bergantung kepada harga getah dan bijih timah untuk merangka belanjawan negara, Malaysia hari ini harus berbangga kerana mempunyai banyak pilihan, khasnya bidang pembuatan yang menyumbang 64 peratus kepada eksport negara,” katanya.